



**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM TAHUN 2023  
DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung pemberian Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam Tahun 2023 Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan Persekutuan, melalui Surat Edaran JPA, JPA.800-3/2/4(33) bertarikh 1 Ogos 2023 telah bersetuju dengan pemberian Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM300.00 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 ke bawah termasuk pegawai lantikan kontrak. Di samping itu, BKP Penjawat Awam dan Pesara Tahun 2023 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan termasuk pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), persara bersara pilihan dan belum menerima pencen, veteran berpencen serta veteran tidak berpencen sebanyak RM200.00.

3. Pentadbiran Negeri Pulau Pinang seterusnya telah bersetuju supaya pemberian BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini turut dipanjangkan kepada penjawat – penjawat awam di bawah Pentadbiran Negeri Pulau Pinang.

## **PELAKSANAAN**

4. Pemberian BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, berdasarkan syarat – syarat yang dinyatakan di Perkara 5.

## **KELAYAKAN PEGAWAI**

5. Pegawai yang layak menerima BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 adalah seperti berikut :

5.1 pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 4 September 2023. Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan:

- (i) pegawai lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* (COS) dan *Contract For Service* (CFS);
- (ii) pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- (iii) pegawai yang bercuti separuh gaji;
- (iv) pegawai yang bercuti tanpa gaji;

- (v) pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai; dan
  - (vi) pegawai lantikan MySTEP dan CFS yang masih berkhidmat pada 4 September 2023 dan telah dilantik sebelum 4 September 2023 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.
- 5.2 Pesara dan veteran yang telah dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, COS, CFS, MySTEP dan masih berkhidmat pada 4 September 2023 layak dibayar sebanyak RM300.00. Pembayaran sebanyak RM200.00 akan dibuat oleh JPA/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM100.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
- 5.3 Pegawai Perkhidmatan Awam yang meninggal dunia pada 4 September 2023 layak diberi BKP Tahun 2023 sebanyak RM300.
- 5.4 Pegawai yang tidak layak dibayar BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 adalah seperti berikut :
- (i) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang sedang memangku, dipinjam/tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/Gred Khas;

- (ii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 4 September 2023;
- (iii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 4 September 2023;
- (iv) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 4 September 2023; dan
- (v) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

5.5 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditangguhkan pemberian BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini. Pegawai hanya layak dibayar BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 setelah dibebaskan dari pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan.

## **TARIKH PEMBAYARAN**

6. BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dibayar pada 4 September 2023 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. Surat pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, cadangan penerimaan pelaksanaan Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam Tahun 2023 ini turut dipanjangkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**



**(DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR)**

**Setiausaha Kerajaan Negeri**

**24 Ogos 2023**

**Semua Ketua Bahagian PSUKPP**

**Semua Ketua Jabatan Negeri**

**Semua Pihak Berkuasa Berkanun**

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan**